

BAB DUA

TINJAUAN PENULISAN DAN KAJIAN LAMPAU

2.1. PENGENALAN UMUM SURAH LUQMAN

2.1.1. AYAT MAKKIAH

Surah Luqman adalah termasuk dalam kategori Surah Makkiah. Ia diturunkan selepas Surah Al-Soffat dan sebelum Surah Saba' (Al-Suyuti , 1979). Ia juga termasuk di dalam surah-surah yang terakhir yang diturunkan di Mekah kerana ia turun selepas peristiwa Isra' Mikraj dan sebelum peristiwa Hijrah Rasulullah s.a.w. ke Madinah (Syahatah , 1976).

Menurut Subhi Saleh, (Tanpa Tarikh), surah Luqman juga mempunyai ciri-ciri khusus bagi surah Makkiah. Di antaranya ialah :-

- i- Terdapat di dalamnya ayat yang dimulai dengan **يَا أَيُّهَا النَّاسُ**
- ii- Permulaan surah ini dimulakan dengan huruf-huruf hijaiah **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**
- iii- Ayat-ayatnya pendek dan ringkas.
- iv- Isi kandungannya menyeru manusia supaya beriman kepada Allah dan Hari Akhirat.

v- Isi kandungannya menyeru manusia supaya berakhhlak mulia.

2.1.2. KEDUDUKAN SURAH LUQMAN DALAM PELBAGAI MASHAF

Menurut Al-Abyari, (Tanpa Tarikh), kedudukan Surah Luqman di dalam Al-Quran adalah berbeza di antara satu mashaf dengan mashaf yang lain.

Di dalam Mashaf Usmani, Surah Luqman adalah surah yang ke 31. Ia terletak di antara Surah Rum dan Surah Al-Sajdah. Di dalam Mashaf Ali pula, ia adalah surah yang ke 5 yang terletak diantara Surah Al-Rum dan Hamim Sajdah manakala di dalam Mashaf Ibnu Abbas, ia adalah surah yang ke 54 dan terletak di antara Surah Al-Soffat dan Surah Saba'.

Perbezaan ini menunjukkan bahawa susunan surah-surah di dalam Al-Quran adalah berdasarkan ijтиhad para sahabat. Sekiranya susunan ini berdasarkan taufik yang diterima secara langsung daripada Rasulullah, tentulah tidak akan berlaku perselisihan ini (Al-Abyari, Tanpa Tarikh).

2.1.3. SEBAB-SEBAB PENAMAAN SURAH

Surah ini dinamakan dengan Surah Luqman kerana ia memaparkan satu kisah mengenai Luqman Al-Hakim yang telah dikurniakan hikmah kebijaksanaan dan rahsia

mengenal Allah s.w.t. membanteras syirik, mendorong supaya berakhhlak mulia serta menjauhi akhlak-akhlak yang keji lagi tercela (Al-Qasimi , Tanpa Tarikh).

Tentang nama Luqman, tidak terdapat di dalam surah-surah ataupun ayat-ayat yang lain di dalam Al-Quran kecuali di dalam surah ini sahaja. Itupun dipertengahan surah iaitu ayat 12 - 19 di mana terdapat 8 ayat yang menyentuh tentang Luqman Al-Hakim dan anaknya.

2.1.4. SEBAB-SEBAB TURUNNYA AYAT

Ayat-ayat Al-Quran boleh dibahagikan kepada dua jenis . Jenis pertama ialah ayat-ayat yang diturunkan tanpa sebarang sebab iaitu ayat-ayat yang diturunkan untuk memberi petunjuk manusia ke arah jalan yang lurus dan diredhai oleh Allah.

Ayat jenis ini juga adalah untuk menjadi tali penghubung antara ayat yang dahulu dengan ayat yang kemudian, bukan jawapan kepada soalan-soalan tertentu atau penjelasan sesuatu kejadian yang telah berlaku. Jenis yang kedua pula terdiri daripada ayat-ayat yang diturunkan kerana peristiwa-peristiwa tertentu (Al-Zarkani, Tanpa Tarikh.)

Sebab penurunan sesuatu ayat perlu diketahui kerana tidak mungkin sesuatu ayat itu dapat ditafsirkan atau dihuraikan tanpa mengetahui kisah-kisah berkenaan serta sebab-sebab turunnya ayat itu.

Secara umumnya, ayat-ayat ini diturunkan kerana sebab tertentu. Pada suatu ketika, orang-orang Arab Qurasy bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai cerita Luqman Al-Hakim dengan anaknya dan bagaimanakah ketaatan mereka terhadap kedua ibu bapa mereka , lalu turunlah ayat ini (Ibnu Hayyan, Tanpa Tarikh).

Di samping itu, beberapa ayat tertentu yang terdapat di dalam surah ini turun kerana sebab-sebab tertentu. Di antaranya ialah ayat yang berkaitan dengan pendidikan Luqman Al-Hakim kepada anaknya iaitu ayat 12 - 19.

Diriwayatkan oleh Imam Al-Tabrani bahawa Saad b Malik berkata :-

“ Ayat ini diturunkan kerana mengenai diriku. Aku adalah orang yang paling taat kepada ibuku. Apabila aku masuk Islam, ibuku berkata kepadaku: wahai Saad, aku telah tahu bahawa engkau telah masuk ke dalam agama yang baru itu . Adakah engkau sanggup meninggalkan agama yang baru itu ? Kalau tidak, aku tidak akan makan dan minum hingga aku mati. Kelak nanti engkau akan dipandang hina oleh orang ramai. Mereka akan menuduh engkau sebagai pembunuhan ibunya sendiri. Lalu aku berkata kepadanya, wahai ibuku, janganlah engkau berbuat demikian. Sesungguhnya aku tidak akan meninggalkan agamaku ini dengan apa sebab sekalipun. Setelah itu, ibuku tidak makan dan minum sehingga tiga hari tiga malam. Badannya kian bertambah lemah. Bila kulihat yang demikian itu, aku berkata, wahai ibuku. Ketahuilah bahawa

demi Allah, jika ada padamu 100 nyawa, kemudian engkau keluarkan satu persatu sehingga habis, nescaya aku tidak akan tinggalkan agamaku ini. Jika engkau suka, makanlah. Kalau tidak, terserahlah. Setelah mendengar ketegasannya itu, lalu ibunyapun makan.

2.1.5. KEISTIMEWAAN SURAH LUQMAN

Abi Al-Suud (Tanpa Tarikh) dalam kitab tafsirnya menjelaskan bahawa Ubai bin Kaab berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda :

“ Sesiapa yang membaca Surah Luqman, nescaya Luqman akan menemaninya pada hari kiamat dan diberi sepuluh kebaikan dengan kadar bilangan mereka yang beramal dengan perkara - perkara yang makruf dan mencegah daripada perkara-perkara yang mungkar ”

Imam Al-Tabrasi (Tanpa Tarikh) dalam kitab tafsirnya pula menyebut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muhammad bin Jabir Al-'Azrami daripada ayahnya Abi Jaafar :

“ Sesiapa yang membaca Surah Luqman pada setiap malam, nescaya Allah akan utuskan 30 malaikat menjaganya daripada iblis dan tenteranya hingga ke pagi dan jika membacanya pada waktu siang, malaikat akan sentiasa menjaganya daripada iblis dan tenteranya hingga ke petang ”.

Hadir di atas jelas menunjukkan bahawa Surah Luqman sangat elok diamalkan membacanya khususnya untuk mengawal diri daripada gangguan dan hasutan iblis yang

sentiasa berusaha untuk menyesatkan manusia.

2.1.6. RIWAYAT HIDUP LUQMAN AL-HAKIM

Menurut Al-Qurtubi, (Tanpa Tarikh), Luqman hidup 1000 tahun semasa zaman Nabi Daud dan sempat mengambil ilmu daripadanya. Dia juga merupakan ahli fatwa sebelum kebangkitan Nabi Daud dan apabila Nabi Daud diutuskan, maka terputuslah fatwanya.

Ibnu Kathir (Tanpa Tarikh) pula mengatakan Imam Al-Auza'i meriwayatkan bahawa Abdul Rahman b Harmalah pernah berkata :

“ Seorang lelaki berkulit hitam pernah datang kepada Said Al-Musaiyib untuk menanyakan tentang dirinya. Said berkata : Janganlah engkau susah hati kerana kulitmu yang hitam ini kerana terdapat dalam sejarah bahawa ada tiga orang yang berkulit hitam dianggap sebagai sebaik-baik manusia. Mereka ialah Bilal bin Rabah, Mahja' hamba kepada Umar Al-Khattab dan Luqman Al-Hakim ”

Menurut Al-Alusi (Tanpa Tarikh), jika kita menerima pandangan lain Said Al-Musaiyib ternyata bahawa Luqman Al-Hakim adalah tukang jahit tetapi jika kita menerima pendapat Ibnu 'Abbas, ternyata Luqman Al-Hakim adalah seorang pengembala kambing. Jika digabungkan kedua-dua pendapat ini, mungkin pada suatu masa beliau menjadi tukang jahit dan pada masa yang lain beliau menjadi pengembala kambing.

Said Al-Musaiyib dalam Tafsir Ibnu Kathir (Tanpa Tarikh) berkata bahawa Luqman Al-Hakim adalah seorang yang berkulit hitam dan berbibir tebal dilahirkan di negeri Mesir. Allah kurniakan kepadanya hikmah (kebijaksanaan) dan bukan nubuwwah.

Ibnu 'Asyur (1984) pula berpendapat bahawa Luqman Al-Hakim adalah seorang yang soleh lagi bijaksana (hakim) dan bukan seorang nabi.

Menurut Al-Razi, (Tanpa Tarikh) maksud hikmah dalam ayat 12 surah tersebut ialah sesuai di antara perbuatan dan pengetahuan. Setiap orang yang telah diberi taufik oleh Allah sehingga sesuai perbuatannya dengan pengetahuannya atau amal perbuatannya dengan ilmunya, maka itulah orang yang telah mendapat kurniaan hikmah daripada Allah. Luqman Al-Hakim telah mendapat hikmah itu di mana beliau mengerjakan sesuatu amal perbuatan dengan tuntutan ilmunya sendiri.

Menurut Syed Qutb (1982) pula, hikmah di sini bermaksud pengetahuan yang mendalam dalam bidang agama.

2.1.7. KEBIJAKSANAAN LUQMAN AL-HAKIM

Menurut Tantawi (1950), pada suatu hari, isteri kepada tuan Luqman Al-Hakim marah kepada suaminya. Suaminya cuba memujuk isterinya semula dengan membelikan

kuih muih. Kemudian dia menyuruh Luqman Al-Hakim memberikan kuih tadi kepada kekasihnya. Lalu kuih itu tadipun diberikan kepada anjing yang disayangi oleh tuannya. Apabila tuannya balik, diapun bertanya kepada isterinya tentang kuih tadi. Isterinya mengatakan bahawa dia tidak menerima sebarang kuih daripada Luqman. Setelah Luqman Al-Hakim ditanya, dia memberitahu bahawa kuih itu telah diberikan kepada anjing kesayangan tuannya kerana anjing itulah yang sepatutnya disayangi. Walaupun ia menderita kerana kerana dipukul tetapi ia akan kembali semula kepada tuannya manakala isteri tuannya itu bukanlah kekasih tuannya kerana dia meminta cerai tanpa sebarang sebab.

Pada suatu hari yang lain, isteri tuannya marah lagi kepada suaminya dan tidak mahu balik ke rumah suaminya dari rumah ibu bapanya. Lalu Luqman Al-Hakimpun berkata kepada tuannya; “ Belilah barang-barang untuk satu majlis perkahwinan dan jemputlah orang-orang yang tuan suka serta hebahkan bahawa tuan akan berkahwin seorang lagi. Dengan cara ini, sudah tentu isteri tuan akan kembali semula kepada tuan kerana sifat cemburunya itu”.

Di hari yang lain pula, tuan Luqman Al-Hakim telah didatangi oleh beberapa orang tetamu. Tuannya menyuruh Luqman Al-Hakim membelikan berbagai jenis barang yang baik. Luqman Al-Hakimpun membeli beberapa lidah binatang dan menyuruh tukang masak mempelbagaikan jenis masakan dengan lidah tadi. Apabila para tetamu makan, mereka merasa jemu kerana hidangan masakan itu hanya terdiri daripada lidah sahaja.

Luqman Al-Hakim ditanya oleh tuannya; “Bukankah aku menyuruh engkau membeli barang-barang ayng paling baik”? Luqman Al-Hakim pun menjawab, “Apakah lagi yang paling baik daripada lidah. Ia mengikat tali persahabatan, kekeluargaan, anak kunci ilmu pengetahuan dan alat untuk menyampaikan kebenaran. Lidah dapat digunakan untuk membangunkan negara, melaksanakan tugas mengajar, menguatkan hujjah dan hukum bagi sesuatu bangsa dan umat”. Mendengar jawapan Luqman Al-Hakim itu, tuannya pun mengakui kebenaran Luqman Al-Hakim.

Daripada kisah-kisah yang dipaparkan di atas, jelaslah kepada kita betapa pintarnya Luqman Al-Hakim apabila berhadapan dengan sesuatu masalah. Setiap masalah dijelaskan dengan mudah dan dapat diterima oleh semua orang.